

**Pemikiran Hak Asasi Manusia dalam Novel-novel Terpilih Faisal Tehrani****Fauzi Hasan<sup>1</sup>, Shahanam Abd Rashid<sup>1</sup>, Dzulkarnain Mat<sup>1</sup>***Jabatan Pengajian Melayu, IPGK Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang*

---

**ARTICLE INFO***Article history:*

Received 07 June 2021

Accepted 25 October 2021

Published 30 November 2021

---

*Keywords:*

Pemikiran

Hak asasi manusia

Novel

Kepengarangan.

---

\* Corresponding author. E-mail address: :  
fauzihasan71@gmail.com

---

**ABSTRAK**

Kehadiran Faisal Tehrani dalam ujana kesusasteraan Malaysia telah membawa kesan dan pengaruh tersendiri melalui karya-karya yang dihasilkannya. Beliau antara pengarang yang begitu prolifik menghasilkan novel dan kini berjumlah 24 buah novel. Sepanjang berkarya, beliau telah memenangi pelbagai sayembara menulis yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan swasta. Novel-novel yang dihasilkannya menunjukkan perubahan dan kelainan tersendiri, khususnya daripada aspek tema, pemikiran, teknik penceritaan, gaya bahasa dan latarnya. Sehubungan dengan itu, penulisan ini akan membincangkan aspek pemikiran daripada aspek hak asasi manusia dalam tiga buah novelnya, iaitu Bahlut, Bagaimana Anyss Naik Ke Langit dan Profesor. Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif, iaitu melibatkan pembacaan teks secara mendalam dan menganalisis bahan-bahan bertulis. Kajian menunjukkan bahawa Faisal Tehrani menerapkan pemikiran hak asasi manusia untuk menjadi pedoman dan mesej kepada pembacanya. Melalui pemikiran yang diungkapkan dapat membina imej dalam kepengarangan dalam novel-novel yang dihasilkannya.

---

**PENDAHULUAN**

Kehadiran dan keterlibatan seseorang penulis dalam lapangan kesusasteraan bukan secara sengaja, tetapi perlu disokong dengan bakat dan minat. Tidak keterlaluan dikatakan, setiap pengarang mempunyai agenda atau tujuan tersendiri dan berdiri pada tahap tertinggi dalam berkarya. Untuk menjadi pengarang yang berjaya dan berkualiti memerlukan masa dan daya usaha yang tinggi. Mana Sikana (2005), mengingatkan bahawa pengarang tidak hanya berfikir untuk melahirkan karya yang agung dan *avant-garde* juga masuk ke daerah penjelajahan pemikiran bangsanya dan turut sama keiltizamannya. Selanjutnya Mana Sikana (Sahlan Mohd. Saman, 2013), menegaskan pengarang harus berwawasan besar untuk menghasilkan teks besar dalam konteks yang unggul. Oleh itu, pengarang akan menghasilkan karya demi karya supaya kehadirannya diterima dan diperkatakan oleh pengkaji, pengkritik dan peminat sastera. Sehubungan itu, pengarang dikatakan manusia yang memiliki kemampuan berfikir, berimajinasi dan berbahasa untuk menghasilkan sebuah karya sama ada puisi, novel, cerpen ataupun drama (Sohaimi Abdul Aziz, 2014).

Dalam berkarya, pengarang menulis dengan menggunakan bahannya sendiri sebagai bahan dasar (Harun Mat Piah, 1994). Lantaran itu seseorang pengarang cuba memperlihatkan karya-karya itu merupakan kesedaran kelompok di mana pengarangnya berada sebagai salah seorang daripada anggota sosial dalam kelompok sosialnya (Goldman, 1980). Karya yang dihasilkan bukan semata-mata satu deskripsi tentang apa yang dilihatnya, tetapi terselit pemikiran, cita-cita, nilai dan perasaan pengarang itu sendiri (Sohaimi, 2011). Justeru seseorang pengarang itu, bukan sekadar bermain-main dengan dunia imaginasi semata-mata tetapi memberi makna dan memaknakkannya dengan dunia realiti (Azhar Hj Wahid dan Zawawi Jahya, 2012).

Karya-karya yang dihasilkan bukan setakat untuk mencapai tujuan, kepuasan dan berjaya dalam sayembara, tetapi berusaha menghasilkan karya demi karya yang unggul dan berilmu. Karya berilmu ialah karya-karya yang boleh dijadikan rujukan ilmiah. Dalam konteks ini, karya yang dihasilkan itu mempunyai fakta-fakta benar yang disampaikan secara kreatif (Marsli N.O., 2000). Karya sastera yang unggul adalah kesusasteraan yang lahir daripada kesungguhan karyawan yang diadun dari segala macam pengalaman, segala macam ilmu dan bumbu imaginasi yang sentiasa dijiwai (Naffi Mat, 2012). Menurut A. Samad Said (1988) dalam sastera boleh ditemui unsur-unsur moral, keindahan, hati nurani, keadilan, ketakwaan, kebijaksanaan dan tazkiyah yang disampaikan secara sederhana, tetapi amat berkesan di jiwa. Semasa menghasilkan karya pula setiap pengarang memiliki cara berbeza dan sebolehnya merahsiakan proses kreatifnya.

Tindakan seumpama ini tidak terkecuali oleh Faisal Tehrani dalam menghasilkan karya-karyanya. Kehadiran beliau yang dikatakan sebagai penulis yang berilmu dan berani membuat perubahan telah menjadikan dirinya penulis yang disegani dan dikagumi. Ini kerana dalam konteks masa kini, karya yang seharusnya dihasilkan oleh golongan profesional mestilah pula bersesuaian dengan daerah lingkungan masyarakat yang kian terpelajar, kritis dan dalam banyak hal bersifat agak selektif. Masalah ini telah ditegaskan oleh A. Samad Said (Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya, 2012) mengesyorkan:

Sastera Melayu memerlukan pembabitan langsung daripada golongan berpendidikan tinggi, kelompok profesional dan intelek untuk merangsang perkembangan sastera Melayu yang lebih dinamis. Menurut hemat saya, katalis perubahan dalam erti kata berperanan ke arah pengangkatan dan peningkatan tahap kesusasteraan Melayu bukan hanya terserah kepada institusi serta agensi rasmi. Peranan mutlak yang dapat menjuruskan kesusasteraan Melayu ke arah penerokaan dunia moden yang serba canggih dan kompleks mampu dimainkan oleh golongan yang latar hidupnya terlengkap dengan pelbagai ilmu, kemudahan dan kebebasan, secara berkesan dan berwibawa. Ini tidak pula bererti memperkecil sumbangan para akademik, intelektual dan pemikir budaya. Tetapi kalau dikaji agak objektif, golongan ini masih kecil, berselerak dan tidak merupakan tenaga yang mewakili golongan karya, bebas daripada ikatan kerjaya dan kongkongan tatatertib perjawatan masing-masing.

## KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, novel-novel Faisal Tehrani lebih menjadi pilihan pengkaji berbanding dengan genre lainnya. Kajian yang dilakukan pula mempunyai fokus atau tujuan berbeza oleh pengkaji. Umpamanya Sohaimi Abdul Aziz (2004), telah meneliti aspek kritikan terhadap politik dalam Novel *Perempuan Politikis Melayu* yang diungkapkan oleh Faisal Tehrani. Menurutnya, novel ini membawa satu persoalan yang lebih besar iaitu kepimpinan politik orang Melayu. Selain itu, beliau turut mengkaji teknik penulisan novel yang berbeza dan tersendiri menjadikannya sebuah novel yang sukar difahami dan diikuti jika tidak ditekuni semasa membacanya. Dalam kajian Mazri bin Abdul Rahman (2006), bertujuan untuk meneliti penerapan aspek-aspek sejarah yang pernah berlaku dalam perkembangan Islam dan yang terkandung dalam al-Quran. Beliau mengkaji tiga buah novel Fasial Tehrani iaitu novel *1511* (2002), *1511H[Kombat]* (2003) dan novel *Advencer si Penuip Ney* (2004). Kajian ini menggunakan tiga prinsip gagasan Persuratan Melayu yang dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal dan hakikat dan fungsi sastera untuk melihat sama ada novel-novel tersebut tergolong sebagai novel sastera Islam atau sebaliknya.

Kajian seterusnya, Rosmah binti Derak (2007) yang berfokus kepada peristiwa-peristiwa sejarah dalam tiga buah novel Faisal Tehrani iaitu novel *1511*, *1511H[Kombat]* dan *Surat-surat Perempuan Johor*. Bagi menganalisis novel-novel tersebut, pengkaji telah menggunakan Teori Intertekstualiti dan pendekatan

dakwah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peristiwa sejarah yang digunakan dalam novel semata-mata untuk menentang penjajah yang menganggap agama Islam sebagai agama yang tidak bertamadun. Kajian berikutnya, oleh Amida Abdulhamid (2008) pula memilih dua buah novel Faisal Tehrani, iaitu *Perempuan Politikus Melayu* (2000) dan *Cinta Hari-hari Rusuhan* (200). Tujuan kajian ini ialah untuk mengesan beberapa ciri pascamodenisme dan dekonstruksi (menurut penelitian Frederic Jameson) dalam novel-novel tersebut. Kajiannya mendapat terdapat beberapa ciri pascamodenisme dan dekonstruksi bagi kedua-dua novel tersebut, iaitu persembahan sejarah tentang “apa yang sebenarnya berlaku” bertentangan dengan sejarah sebagai sebuah “naratif tentang apa yang berlaku” daripada sudut pandangan yang berkepentingan dalam budaya dan ideologi.

Misran Rokimin (2009) pula telah menyelongkar unsur dakwah dalam tiga buah novel oleh Faisal Tehrani iaitu *1511[Kombat]*, *Advencer Si Peniup Ney* dan *Manikam Kalbu*. Kajiannya ingin melihat kepengarangan Faisal Tehrani dan kreativitinya dalam menyampaikan dakwah. Dalam penulisannya, beliau mengupas kebijaksanaan Faisal Tehrani dalam membawa mesej berdakwah untuk mengajak golongan remaja supaya kembali ke jalan yang diredhai Allah S.W.T. dengan berlatarkan sejarah tetapi dicerekakan. Kajian berikutnya mengenai novel Faisal Tehrani oleh Nor Hazwani binti Mohd Mokhti (2009/2010) terhadap tiga buah novel, iaitu *“Ketupat Cinta”*, *“Saasatul Ibaad”* dan *‘Karbala’*. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan persoalan berkenaan aspek-aspek pemikiran syi’ah yang terkandung dalam tiga buah novel tersebut. Selain itu untuk mendedahkan bukti-bukti wujudnya fahaman syi’ah dan persoalan khalifah yang menjadi isu dominan dalam karya-karyanya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek pemikiran syi’ah yang menjadi pegangan pengarang lebih menjurus kepada aspek kepimpinan atau kekhilafahan yang selayaknya dipegang secara warisan turun-temurun oleh para *ahlut bait* Rasulullua s.a.w.

## PENYATAAN MASALAH

Pengarang setiap zaman mencari cara-cara terbaru berkarya semata-mata untuk mencari bagaimana untuk mencapai kebenaran. Oleh itu, tugas kesusteraan itu tidak ada besanya dengan falsafah yang berfungsi juga untuk mencari kebenaran. Sastera bekerja melalui teks-teks karya kreatif dan tulisan-tulisan teoritis, sementara falsafah melalui pemikiran dan idea-idea tentang sesuatu subjek (Mana Sikana, 1997). Pengarang harus memiliki keyakinan diri, keteguhan dan kesungguhan dalam berkarya, berusaha menunaikan kewajipan dalam hidup sebagai pengarang, mengambil dan memberi, bertindak sebagai khalifah untuk kemakmuran dan memanfaatkan isinya dengan banyak dan sebaik mungkin demi kepentingan insan (Othman Puteh, 1995). Mana Sikana (1996) percaya bahawa setiap orang penulis mempunyai cita-cita atau keinginan untuk berjaya mencapai satu tahap tertinggi dalam bidangnya. Dalam konteks kepengarangan, keberanian adalah sifat dan sikap keterbukaan yang dirasionalkan secara tekstual dan kontekstual dalam teks sehingga teks dan pengarangnya dilihat dan menampakkan memberi impak ke atas persepsi, status quo dan konvensi (Abdul Halim Ali, 2011). Oleh itu, setiap teks yang dihasilkan seseorang penulis turut mencerminkan cita-cita penulis bagi menghasilkan teks yang dapat dianggap unggul dan bermutu. Malahan, cita-cita tersebut sekali gus mempengaruhi keseluruhan citra teks yang dihasilkan. Karya-karya ciptaan mereka menjadi bahan bacaan masyarakat umum dan sewajarnya menghasilkan karya-karya yang dapat ‘memimpin’ masyarakat ke arah kebebasan berfikir, berdemokrasi, membangkitkan daya kreativiti, inovatif dan mencetuskan pembangunan kontek pembangunan dan pembinaan yang bersifat fizikal serta kerohaniah.

Dalam membicarakan kepengarangannya, Faisal Tehrani seorang penulis yang cukup berhati-hati dan serius dalam proses kreatifnya. Beliau dianggap seorang pengarang yang akan membuat rujukan, meneliti, mengkaji dan menggunakan pelbagai sumber untuk digarap atau dicetuskan dalam karya-karyanya sama ada cerpen atau novel. Pelbagai unsur menjadi idea kepada penciptaan karyanya seperti elemen agama, ekonomi, politik, budaya dan isu-isu sarwajagat. Kajian dan penciptaan karya Faisal Tehrani menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan teori teksdealisme yang mendasari kajian ini. Ini kerana terdapat pelbagai isu atau bahan berkaitan dengan pengarang dan persekitaran pengarang untuk digarapkan dalam novel-novel yang dikarangnya. Segala sumber dan pengalaman pengarang menjadi nilai tambah kepada peristiwa dalam novelnya.

Setiap pengarang harus prihatin terhadap diri dan karya yang dihasilkan (Othman Puteh, 1995). Berdasarkan penelitian yang dijalankan, menunjukkan kepelbagaiannya pemikiran, stail, latar, nilai, budaya dan sebagainya dalam novel-novel yang dihasilkan oleh Faisal Tehrani sepanjang penglibatannya dalam penulisan kreatif. Oleh itu, Faisal Tehrani dikatakan seorang penulis yang suka merujuk, mengkaji dan menyelidik (Faisal Tehrani, 2007 dan Editor *Dewan Sastera*, 2007). Melalui cara ini, membolehkan beliau menghasilkan karya yang berkualiti dan tepat dengan sesuatu yang hendak dikarangnya. Menurut Hashim Ismail dan Noraini Yusof (*Dewan Sastera*, 2004), Faisal Tehrani turut menggunakan pelbagai sumber dengan menggunakan pendekatan penulisan gaya baru yang memperbaharukan sejarah dan membawa strategi penyemakan apabila menulis. Menurut Ramli Isin (Hamzah Hamdani, 1988), karya sastera sebagai fenomena sosial tidak hanya melihat pada segi penghasilannya, tetapi pada hakikat karya itu sendiri. Malahan mungkin dapat dikatakan bahawa reaksi sosial seorang penulis terhadap fenomena sosial yang dihidupinya akan menyebabkan ia menulis sesuatu karya sastera, yang dengan sendirinya merupakan perumusannya terhadapnya.

Dalam kajian ini, akan menyerlah wujud kesensitifan dan kepekaan pengarang untuk mendedahkan pemikiran, permasalahan dan tindak balas terhadap pelbagai gejolak masyarakat di dalam dan luar negara untuk diaplikasikan dalam penulisannya. Isu-isu remaja masa kini menjadi inspirasi beliau berkarya (*Dewan Sastera*, Mac 2007). Menurut Misran Rokimin (2013), Faisal Tehrani mempunyai potensi sebagai pelapis bagi menggantikan penulis mapan seperti Sahnun Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati, Abdullah Hussein, S. Othman Kelantan dan sebagainya. Menurutnya lagi, gaya penulisan dan tema yang disampaikan juga lebih bersifat ilmu dan mesej penting kepada pembaca terutama kepada pembaca remaja. Justeru, kewibawaan Faisal Tehrani dalam membawa pelbagai tema dan jenis novel telah mendorong pengkaji untuk menganalisis novel-novelnya.

## **Objektif kajian**

Kajian ini mempunyai objektif berikut:

1. Mengenal pasti ciri-ciri hak asasi manusia yang terdapat dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani
2. Mengetahui teknik dan cara menyampaikan hak asasi manusia dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani.

## **Persoalan kajian**

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah hak asasi manusia yang terdapat dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani?
2. Apakah teknik dan cara menyampaikan hak asasi manusia dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai ‘*verstehen*’ atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan ‘*verstehen*’ adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerikal. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson, 1995). Justeru

penyelidikan kualitatif ialah suatu kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al., 1994).

Penyelidikan kualitatif bertujuan untuk menjelas dan menerangkan fenomena tertentu yang dikaji (Marshall & Rossman, 1989). Dalam penyelidikan kualitatif, biasanya banyak soalan dan permasalahan muncul daripada pemerhatian yang dilakukan, dilema dan soalan daripada dunia sebenar dan berbentuk inkuiri yang meluas (Marshall & Rosmann, 1989). Kebanyakan kajian kualitatif percaya bahawa cara terbaik untuk memahami sesuatu fenomena ialah dengan melihatnya mengikut konteks (Krauss, 2005). Kajian Kualitatif cuba menyingkap tabii pengalaman seseorang dengan fenomena sosial secara semula jadi (Strauss & Corbin, 1990). Dalam kajian ini pengkaji akan melakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena dalam teks yang melibatkan pengarang dan kisah-pemikiran dalam teks.

Menurut Strauss dan Corbin (1990), penyelidikan kualitatif adalah disyorkan untuk semua bidang. Objektif penyelidikan kualitatif ialah untuk meneroka tabii pengalaman manusia, memahami bidang yang masih belum diketahui atau mengurangkan perspektif baharu kajian dalam sesuatu bidang atau untuk mendapatkan lebih maklumat mendapat yang mungkin sukar dijelaksan secara kuantitatif (Strauss&Corbin 1990). Secara khusus, Bitsch (2005) menjelaskan bahawa aplikasi penyelidikan kualitatif merangkumi bidang (a) deksripsi dan interpretasi isu baharu atau kurang dikaji; (b) penjanaan teori, pembinaan teori, pengesahan teori dan pembetulan teori (c) penilaian, nasihat polisi dan kajian tindakan; (d) penyelidikan ke arah isu masa depan.

### Konsep dan kedudukan hak asasi manusia

Secara umumnya, hak asasi atau kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang. Hak asasi kadang kala dianggap sebagai maruah diri seseorang. Dalam konteks manusia sejagat, hak asasi bermaksud semua manusia adalah bebas dan mempunyai hak yang sama tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, warna kulit, bahasa dan lain-lain. Atas dasar itu maka hak asasi seringkali inenjadi satu tuntutan supaya setiap insan diperlakukan secara sama rata dan adil. Namun jika diteliti, tuntutan hak asasi adalah berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain bergantung kepada kehendak inasyarakat. Sewajarnya tuntutan hak asasi disesuaikan dengan keadaan masyarakat, budaya, undang-undang, keadaan politik, kedudukan ekonomi dan persoalan social sesebuah negara. Contohnya negara Timur dan Barat yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza; maka tidak hairanlah, jika tuntutan terhadap kebebasan asasi di Barat ada kalanya keterlaluan dan sesua'tu yang ainat sukar diterima masyarakat Timur.

Hak asasi manusia seringkali dimaksudkan sebagai sesuatu yang *inherent* atau wujud secara semula jadi Bersama-sama dengan kewujudan seseorang manusia itu sendiri. Kewujudan hak asasi manusia juga dipertahankan sebagai sesuatu yang *inalienable* iaitu sesuatu yang sebatи dan tidak dapat dipisahkan daripada seseorang manusia. Daripada dua kata kunci ini, adakah dikatakan bahawa hak asasi manusia itu adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan daripada ‘dimiliki’ oleh seseorang manusia? Juga adakah daripada dua kata kunci ini seseorang manusia itu tidak lagi ‘menjadi’ seorang manusia sekiranya hak asasinya diambil atau dinafikan (Muthanna Saari, 2019).

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, hak asasi manusia ialah himpunan beberapa hak yang dimiliki oleh seseorang yang sangat berkait rapat dengan kewujudan semulajadinya yang diperakarkan secara universal walaupun belum diiktiraf oleh mana-mana kuasa. Ia merangkumi hak asasi seperti hak untuk hidup, persamaan, kebebasan dalam segala bentuknya, hak politik dan sivil, hak bangsa-bangsa untuk menentukan nasib mereka, hak untuk merdeka, hak untuk mempunyai identiti bangsa, hak menyatakan pendapat, hak beragama, hak belajar dan mendapat pendidikan, hak ekonomi dan sosial, hak milik khusus, hak berkerja dan menjawat jawatan umum, hak mendapat rawatan kesihatan dan sosial, hak mendapat jaminan dan perlindungan negara, hak keibubapaan, hak kanak-kanak, hak remaja dan belia untuk mendapat asuhan, hak kekeluargaan, hak tempat tinggal dan lain-lain.

Hak asasi manusia dalam Islam adalah berpunca daripada peranan manusia sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Ingatlah (peristiwa bersejarah) ketika Tuhanmu bertitah kepada para Malaikat; bahawa Aku ingin menobatkan di dunia ini (para) Khalifah (para pelaksana amanahNya)”

Islam memberikan penghormatan yang tinggi kepada manusia kerana Allah telah membekalkan kepadanya kudrat yang istimewa sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

”Sesungguhnya Kami telah memuliakan (martabat) anak Adam. Kami memudahkannya meneroka daratan dan lautan. Kami murahkan rezekinya dengan segala (nikmat anugerah) yang baik-baik; malah Kami berikan kepadanya kelebihan yang berganda berbanding makhluk-makhluk lain yang Kami cipta.”

Bagaimanapun kemuliaan manusia adalah berkait rapat dengan komitmennya kepada akidah iaitu bergantung kepada darjat taqwa dan penerimaannya terhadap hidayah Rasul dan manhaj wahyu. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

”Kemudian Kami kembalikan semula (martabat manusia) ke darjat yang paling terkebawah. Kecuali orang-orang yang beriman, beramal saleh maka mereka akan mendapat habuan ganjaran yang tidak akan diungkit-ungkit lagi (oleh sesiapapun).”

Berbeza dengan Barat di mana mereka menganggap hak asasi manusia adalah hak semulajadi yang lahir dari kedaulatan mutlak manusia yang superior dan tidak ada kedaulatan lain yang mengatasinya, sedangkan penghormatan Islam kepada manusia bertitik tolak daripada ‘ubudiah dan ketaatan. Ini bermakna ada masa tertentu di mana manusia akan terjejas daripada mendapat penghormatan itu iaitu apabila mereka kufur dan menjauhi tuntutan ubudiah tersebut, atau apabila ia menjauhi kebenaran yang menjadi unsur terpenting untuk pengisian maksud kemanusiaannya. Perkara ini tidak diakui oleh pemikiran Barat yang beranggapan bahawa manusia tetap memiliki hak semulajadi tersebut walaupun ia menyimpang jauh seperti melakukan keganasan dan kejahatan. Barat juga sangat menghubungkan hak asasi manusia dengan kebebasan individu semata-mata yang menyebabkan lahirnya sistem liberal demokrasi yang berteraskan kontrak sosial di mana sistem ini menekankan keutamaan kepentingan individu mengatasi kepentingan ramai. Bagi Barat, hak manusia adalah absolute dan mutlak, manakala bagi Islam, hak ini terikat dengan Maqasid al-Syari’ah dan tidak bercanggah dengan kepentingan jamaah yang dianggotai oleh seseorang insan berkenaan.

Perlembagaan Persekutuan secara jelas telah memperuntukkan beberapa fasal dan perkara yang menjamin hak asasi manusia. Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 mentakrifkan “hak asasi manusia” sebagai merujuk kepada “kebebasan asas sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan”. Peruntukan ini dengan jelas mengiktiraf Perlembagaan Persekutuan sebagai asas kepada kerangka hak asasi manusia yang diamalkan di Malaysia dan ini merangkumi (i) Hak Ekonomi (hak perniagaan, hak kemudahan asas, hak keperluan asas dan hak bekerja (ii) Hak Sosial (alam sekitar, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan rekreasi) dan (iii) Hak Kebudayaan (bahasa, warisan, harta intelek dan pendidikan kebudayaan). Sesuai dengan falsafah ‘cultural relativism’ yang mengiktiraf keunikan sosio-budaya dan agama masyarakat setempat, hak ekonomi di dalam Perlembagaan Persekutuan sudah pastinya adalah tidak bersifat mutlak.

Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan ini dinyatakan dengan jelas dalam beberapa instrumen antarabangsa. Perkara 22 UDHR misalnya, memperuntukkan bahawa “Setiap orang, sebagai anggota masyarakat, adalah berhak kepada keselamatan sosial dan berhak menjadikan suatu kenyataan, melalui usaha negara dan kerjasama antara-bangsa dan menurut organisasi dan sumber-sumber dalam negara masing-masing, hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang termesti bagi kemuliaannya dan perkembangan bebas keperibadiannya.” Hak-hak berkaitan ekonomi, sosial dan kebudayaan yang dimaksudkan di sini termasuklah hak untuk kehidupan berkeluarga; Hak memiliki harta dan tiada sesiapa

pun boleh dilucutkan harta bendanya sewenang-wenangnya; Hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya; Hak kepada keselamatan sosial; Hak untuk keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah; Hak untuk suatu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya, makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan; Hak untuk pelajaran; dan Hak untuk secara bebas mengambil bahagian dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan sama-sama merasai kemajuan sains dan faedah-faedahnya.

### **Analisis hak asasi manusia dalam novel-novel Faisal Tehrani**

Menerusi novel *Bahlut*, Faisal Tehrani dengan ketara memaparkan isu berkaitan dengan masyarakat yang terpinggir, iaitu masyarakat Orang Asli atau orang asal. Dalam novel ini, Faisal Tehrani mengambil masyarakat orang asli Suku Semai sebagai subjeknya. Faisal Tehrani memperlihatkan dalam keadaan negara yang sudah membangun tetapi masih terdapat golongan minoriti yang tidak menerima pembangunan yang dinikmati oleh masyarakat lain. Kesannya, masyarakat ini terus ketinggalan dalam menikmati kemudahan asas seperti penyediaan jalan raya, bekalan air bersih, pendidikan yang sempurna untuk anak-anak, elektrik dan sebagainya. Selain daripada tidak menikmati kemudahan aas, diperlihatkan nasib yang menimpa masyarakat orang asli yang menjadi mangsa penindasan, penganiayaan dan penyeksaan oleh pihak-pihak yang mempunyai pengaruh atau berkuasa. Masyarakat orang asli yang tidak mempunyai pendidikan yang baik menyebabkan kemiskinan dan mudah diperdaya atau dieksplotasi oleh pihak-pihak yang ingin mengaut keuntungan.

Sehubungan itu, Faisal Tehrani memperlihatkan hak dan kedudukan masyarakat orang asli telah dimanipulasi dan dieksplotasi oleh pihak-pihak yang ingin mendapatkan keuntungan. Antara petikan yang memperlihatkan hak dan kedudukan masyarakat orang asli yang sudah diceroboh atau diambil secara paksaan atau penipuan digambarkan dalam petikan-petikan di bawah:

“Kabut, kalau mengikut pelan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang kami periksa, kampung hek adalah tertakluk di bawah tanah adat orang asli. Seluruh kawasan ini berkeluasan lebih dua juta hektar dan itu meliputi kawasan pembalakan haram yang sedang kita siasat.

Kabut memandang ke luar. Gelap bukat. “Kampung ini sudah kami diami lama dahulu. Nenek moyang kami terokai, cikgu. Tidak cukupkah bukti tanah perkuburan yang wujud.

Kabut bersuara lagi. “Tidak munasabah kami benarkan sahaja tanah adat kami terus diceroboh kerana di sinilah kehidupan kami. Jika tanah adat ini terus diperlakukan begini, kemanakah kami mahu pergi” (*Bahlut*, 2010, 216).

Zafrul hanya memasang telinga. Dia tahu benar, sebelum ini pun tanah adat orang asli berhampiran telah diambil sebanyak 300 hektar dan dijadikan ladang sawit. Jika dirujuk undang-undang apa yang berlaku dikiran amat salah. Tetapi kehendak penguasa mengatasi segala (*Bahlut*, 2010, 217).

Suara Kabut bergetar dalam jip yang bergegar. “Kami tak boleh terima. Kerajaan perlu melakukan sesuatu supaya masyarakat orang asli tidak terus tertekan dengan kegiatan yang mengancam kehidupan di sini” (*Bahlut*, 2010, 217).

“Pak Idi masih ingat apa yang Khadijah inginkan. Status tanah untuk orang asli, dalam usaha membangunkan tanah bagi membaiki ekonomi orang asli, mereka terbatas dalam mendapatkan peruntukan atau bantuan kerajaan. Keluarga Khadijah malah dilarang sama sekali menggunakan tanah warisan mereka. Jabatan Hutan

mencacak papan tanda larangan menceroboh kawasan hutan simpan, siap dengan amaran hukuman dan denda kepada yang melanggarnya (*Bahlut*, 2010, 231).

“Pak Idi lihat sendiri mentua Pak Idi berdepan dengan kemiskinan dan ada masanya terpaksa berbalah dengan pelbagai pihak demi mempertahankan hak. Pak Idi lihat sendiri usaha penduduk kampung membuka dan membersihkan tanah mereka untuk berladang padi dan juga menanam getah secara tradisi telah dihentikan oleh pihak Jabatan Yanah dan Galian, yang tidak memberi peluang bahkan menegaskan bahawa tanah-tanah tersebut bukan milik orang asli, tetapi sebaliknya dibenarkan syarikat pembalakan menorah utan di kawasan tanah adat mereka” (*Bahlut*, 2010, 231-232).

“Masyarakat orang asli di Malaysia sering menjadi mangsa kezaliman secara senyap. Kami tertinggal dari pembangunan dan kemajuan. Kami tercicir dari segi pendidikan. Kami juga sering dianggap tidak penting. Penganiayaan ini saya fikir didaya upayakan oleh mereka yang berkepentingan” (*Bahlut*, 2010, 361).

“Kami tidak boleh membenarkan tanah adat kami terus diceroboh kerana di sinilah kehidupan kami. Jika tanah adat ini terus diperlakukan begini ke manakah kami mahu pergi”, kata Bahlut yang mendakwa sebelum ini lebih 300 hektar diambil dan dijadikan ladang sawit tanpa kebenaran mereka.

“Kami tak boleh terima. Kerajaan perlu melakukan sesuatu supaya masyarakat orang asli tidak terus tertekan dengan kegiatan yang mengancam kehidupan di kampung asal saya”, katanya (*Bahlut*, 2010, 369).

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, menyerlahkan penindasan dan penganiayaan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terhadap masyarakat atau golongan minoriti. Hak dan kedudukan serta keperluan masyarakat orang asli tidak dipenuhi dan disediakan dengan sebaiknya daripada aspek penyediaan kemudahan asas, pendidikan, perhubungan, kesihatan dan sebagainya. Kehidupan mereka semakin tertekan dan terkesan setelah kegiatan kehidupan mereka telah terjejas dengan pengambilan tanah, penerokaan hutan dan kegiatan pembalakan. Selain itu, orang asli telah dipaksa menjual tanah dengan harga yang murah dan ditipu oleh pihak-pihak yang ingin mengaut keuntungan. Melalui watak Bahlut, Pak Idi dan Kabut, diperlihatkan watak-watak ini berjuang dan berusaha untuk menuntut hak dan kedudukan mereka dikembalikan semula sebagai mana yang termaktub dalam undang-undang dan adat resam mereka.

Seterusnya dalam novel *BANKL?* turut memaparkan penindasan dan penganiayaan terhadap masyarakat orang asal di Sarawak, iaitu kaum Penan. Dalam novel ini, Faisal Terani menggambarkan hak dan kedudukan masyarakat peribumi di Sarawak telah dirampas dengan sewenang-wenangnya untuk tujuan pembangunan, pertanian dan sebagainya. Kesan daripada pengambilan tanah-tanah secara paksaan telah menyebabkan kehidupan masyarakat peribumi telah terjejas daripada aspek kehidupan. Masyarakat peribumi kehilangan sumber-sumber hutan sebagai sumber pendapatan, makanan, perhubungan dan sebagainya.

Dari segi sejarah, penduduk asli tinggal dalam sistem yang tidak rasmi di tanah adat dan sesetengahnya diiktiraf oleh undang-undang negeri tetapi semakan semula kanun tanah telah mengburkan hak mereka dan mengejepit mereka.

Sekiranya undang-undang itu membenarkan pegawai negeri memansuhkan sesetengah hak adat. Kadang-kadang komuniti penduduk asli tidak menyedari akan perubahan status tanah mereka sehinggaalah tuan-tuan balak itu muncul untuk menuntut hak mereka terhadap hak milik mereka (*BANKL?* 2016, 28).

Para pembalak mencerobohi tanah-tanah para penduduk asli, membina jalan-jalan raya merentasi kawasan mereka, menebang pokok-pokok mereka tanpa kebenaran atau tawaran ganti rugi yang sewajarnya.

Bantahan yang dibuat bertahun-tahun lamanya tidak berhasil. Keadaan kehidupan mereka merosot secara tiba-tiba. Dalam keadaan berputus asa, mereka memutuskan untuk membuat benteng manusia. Apabila sekumpulan kaum asli memulakannya di pertengahan Mac, ramai kaum lain turut mengambil langkah serupa (*BANKL?* 2016, 2016).

Penduduk asli itu berehat secara bergilir-gilir di pondok kayu sementara yang dibina berhampiran kawasan kepungan itu memandangkan mereka telah meninggalkan rumah mereka. Untuk mengekalkan tindakan mereka, penduduk asli itu terutamanya kaum Penan terpaksa berkorban (*BANKL?* 2016, 35).

“Sebelum syarikat balak muncul, kami telah pun berada di tanah ini”, salah seorang lelaki memberitahu saya. “Inilah tanah nenek moyang kami dan nenek moyang mereka” (*BANKL?* 2016, 35).

“Hutan-hutan hampir lenyap, ditebang sepenuhnya”, seorang penduduk asli lain memberitahu saya. “Jika kami tidak melakukan sesuatu, sekarang untuk melindungi sejumlah kecil kawasan yang tinggal, tiada apa lagi yang tinggal untuk anak-anak kami” (*BANKL?* 2016, 3-36).

Penggunaan sumber-sumber perhutanan oleh orang-orang ini tidak dihiraukan langsung oleh ahli-ahli politik dan perancang-perancang polisi negara yang telah dibutakan oleh sikap mementingkan diri mereka sendiri.

Orang-orang yang bergantung kepada sumber-sumber alam untuk kehidupan mestalah dibenarkan menggunakan tanpa ancaman dari orang-orang luar yang mengambil alih hak milik mereka secara kejam dengan undang-undang yang berat sebelah. Hanya apabila prinsip ini dipatuhi, keadilan sosial dan kehidupan orang-orang ini akan terjamin (*BANKL?* 2016, 79).

“Jangan salah anggap, kami bukan menolak pembangunan, kami hendakkan pembangunan, siapa tidak mahu? Tetapi pembangunan bukannya bermakna syarikat-syarikat pembalakan boleh menceroboh ke dalam tanah kami. Pembangunan seperti ini kami tak mahu”.

“Pertama sekali, kami mahu hak milik kami ke atas tanah yang telah kami warisi sejak turun temurun diakui. Kami mahu terus hidup dan menggunakan tanah kami tanpa gangguan” (*BANKL?* 2016, 80).

Kehidupan mereka tidak dianggap tiada nilai. Kemanusiaan sudah kian tiada. Perlindungan yang sedia ada melindungi mereka secukupnya. Seksyen 5(1) Kanun Tanah Sarawak yang mengiktiraf hak penduduk asli seperti mana yang wujud pada 1 Januari 1958 tiada berguna (*BANKL?* 2016, 87).

“Pokok-pokok kami ditebang, sumber makanan dimusnahkan, hidupan liar telah lenyap, hakisan tanah berlaku dengan teruk, sungai-sungai dicemari dan ikan-ikan

juga kian lenyap”, kata Juwin Lehan, Pengurus Jawatankuasa Sementara Persatuan Kaum Peribumi Penan Sarawak. “Keadaan kami sekarang bertambah sukar. Apa yang kami dapat sekarang hanyalah ancaman dan janji-janji yang tidak dipenuhi”.

Penangkapan ini merupakan satu-satunya tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap beberapa rayuan memohon pertolongan dari kaum asli di mana kehidupan mereka terancam oleh kegiatan syariah dengan komuniti penduduk asli tempatan. Dengan menangkap penduduk asli bermakna pegawai polis dan pegawai hutan telah memihak dalam pertelingkahan ini”. (*BANKL?* 2016, 99).

Kekecewaan dan kemarahan timbul di kalangan ramai komuniti asli lain. Sungguhpun terdapat beberapa bantahan dan rayuan dan janji-janji tindakan rasmi, penderitaan mereka telah bertambah teruk.

“Kami mahukan pengharaman ke atas semua pembalakan di Sarawak supaya perbalahan di antara penduduk-penduduk dan pembalak boleh diselesaikan,” kata wakil Sahabat Alam Malaysia (SAM), Harisson Ngau. (*BANKL?* 2016. 104).

Faisal Tehrani telah mengangkat hak asasi yang agak berbeza dalam novel *Profesor*. Menerusi novel ini memperlihatkan keberanian dan perubahan idea serta pemikiran Faisal Tehrani kepada permasalahan hak asasi manusia yang lebih terbuka, luas dan mengukuhkan kepengarangan sebagai penulis yang mementingkan non kreatif. Faisal Tehrani memperlihatkan sikap masyarakat yang tidak memberi hak sewajarnya kepada individu atau golongan yang memilih untuk mengamalkan aktiviti sosial, iaitu perhubungan seksual dan keganasan terhadap golongan wanita.

Dengar dulu. Dengar dulu. Saya ingin mengetengahkan hal perlindungan daripada kekerasan oleh pemerintah dan orang perseorangan. Tentu tuan-tuan tidak bersetuju seseorang dikasari dan dicederakan semata-mata kerana pilihan seksualnya yang berbeza. Eer, masih terdapat negara yang memperuntuk serta menjatuhkan homoseksual sebagai satu jenayah atau kesalahan dengan hukuman berat seperti hukuman mati. Hukuman mati dalam hal ini merupakan satu pencerobohan dan perlanggaran hak asasi manusia (*Profesor*, 2017, 24).

Apakah gejala LGBTIQA menyalahi nilai-nilai moral yang didokongi oleh masyarakat itu, atau apakah ia menyebabkan huru hara untuk orang awam; dan adakah dengan memberi kebebasan kepada LGBTIQA akan mengakibatkan pula hak-hak lain dicabul? (*Profesor*, 2017, 55).

Hak asasi manusia bertujuan melindungi semua manusia dari mengalami sebarang diskriminasi. Dalam konteks ini kelompok LGBTIQA juga mempunyai hak-hak standing dengan kelompok heteroseksual. Untuk berlaku adil, negara tidak berhak mencampuri urusan ‘bilik tidur’ warganya.

Dalam tradisi Islam dan Kristian, maruah manusia merupakan satu prinsip utama, dan dalam Islam yang dihukum sebagai satu jenayah syarikah adalah perilaku seksual dan bukannya orientasi seksual. Untuk generasi mudah kita harus mendedahkan kepada mereka terdapatnya berbagai-bagai perbezaan termasuklah dalam hal ini, orientasi seks. Adalah tidak wajar mengajar generasi muda melakukan pelabelan dan stigma. Pengabaian hak-hak asasi manusia terhadap kumpulan LGBTIQA boleh menyebabkan krisis psikologi yang besar buat mereka. Adalah penting kita semua komited dengan tujuan asal hak asasi manusia,

iaitu untuk memberi keadilan dan hak-hak asas setiap individu (*Profesor*, 2017, 72).

Artikel 2 UDHR 1948 dengan jelas menyatakan sebarang diskriminasi berasaskan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, pilihan politik dan pendapat, kewarganegaraan dan asal usul, harta, tempat lahir dan status hendaklah ditolak. Meskipun orientasi seksual tidak disebut secara khusus akan tetapi pandangan mumum berpendapat, artikel sedia ada dari UDHR 1948 memadai untuk menjelaskan kedudukan kelompok LGBTIQA (*Profesor*, 2017, 39).

“Kita mestilah berubah. Jangan mempertahankan hak pencabulan hak asasi manusia yang tidak lagi munasabah. Sebagai contoh, suatu masa dahulu perhambaan dibenarkan di dunia ini, malah dibenarkan dalam pelbagai agama termasuklah Islam dengan tatacara yang tertentu. Akan tetapi hari ini tidak ada lagi negara, termasuk negara umat Islam yang membenarkan perhambaan dijalankan secara legal. Perhambaan dianggap satu yang zalim dan menjijikkan. Negara umat Islam terakhir membenarkan perhambaan secara legal dilakukan adalah Arab Saudi, yang telah menghapuskannya pada tahun 60-an. (*Profesor*, 2017, 112).

Benar, sesuatu yang alamiah tidak semestinya bermoral. Itu adalah sikap saya dari awal lagi. Perkahwinan sejenis bukan merupakan masalah meruncing buat kita di Malaysia. Kita belum ada masalah besar dengan perkahwinan sama jenis. Tetapi kita memang ada masalah besar dengan perkahwinan lain jenis atau pernikahan kelamin. Fokus kita semua, umat Islam haruslah ke situ. Kita mesti menyelesaikan masalah sedia ada sebelum menjadi kronik, daripada kita memikirkan masalah lain yang belum jelas buat kita. Dan kita mesti akur, kita telah memilih sistem demokrasi dan bukannya teokrasi pada tahun 1957 iaitu Ketika Malaysia merdeka dan mengiktiraf pelbagai bangsa dan agama. Justeru kita telah mengiktiraf rencam cara hidup” (*Profesor*, 2017, 111).

“Terdapat sekurang-kurangnya 28 instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang memberi peruntukan mengenai kemerdekaan beragama, namun tiada satu covenant yang khusus untuk kemerdekaan beragama. Begini, pada tahun 1979, International Covenant on Civil and Political Rights diterima pakai dan pada Artikel 27 menyatakan serba sedikit kaum minority berhak menikmati budaya dan mengamalkan budaya masing-masing (*Profesor*, 2017, 158).

“Kita perlu menyelesaikan isu-isu yang muncul daripada perkahwinan lain jenis atau perkahwinan kelamin. Kita hidup dan menerima demokrasi, sebagai gaya hidup dan sistem politik mereka. Di dalam sistem demokrasi, satu ajaran yang pasti adalah, kita memperjuangkan hak semua orang, atau anda tidak akan beroleh apa-pun untuk diri sendiri?” (*Profesor*, 2017, 100).

Hak-hak wanita yang diperjuangkan khususnya bagi golongan wanita dan kanak-kanak perempuan merupakan antara hak asasi yang utama dewasa ini. Sehubungan itu, keadaan ini mewujudkan golongan feminism yang merujuk kepada gerakan politik dan komitmen inetektual yang menuntut keadilan untuk wanita serta menamatkan seksisme di dalam semua bentuk serta merangkumi perspektif yang luas termasuk sosial, budaya, ekonomi dan politik. Antara tuntutan yang difokuskan dalam gerakan ini adalah tuntutan bahawa lelaki dan wanita berhak menikmati hak dan kehormatan yang sama memandangkan wanita pada masa kini sering dinafikan hak bersama lelaki. Fokus feminism dalam melindungi hak-hak wanita adalah

terhadap pengalaman yang dialami oleh wanita. Ini disebabkan faktor kelemahan wanita yang boleh dikesan melalui bidang ekonomi, politik dan sosial.

Bagi hak dan kedudukan wanita turut menjadi fokus dalam novel *Profesor*. Faisal Tehrani turut mengemukakan mengenai institusi keluarga, iaitu perkahwinan. Permasalahan perkahwinan ini memperlihatkan isu keganasan atau penderaan terhadap wanita dan perkahwinan dalam usia muda. Bagi Faisal Tehrani, terdapat perkahwinan yang tidak mendatangkan kebahagian, sebaliknya memberi penganiayaan terhadap golongan wanita kerana sebab-sebab yang tertentu. Bagi Faisal Tehrani, pegangan agama yang kuat belum tentu menjamin kebahagiann dalam rumahtangga. Menerusi novel ini, digambarkan wanita menjadi mangsa penganiayaan dan penyeksaan dalam perkahwinan yang dilakukan oleh suaminya. Hak-hak wanita yang diperjuangkan khususnya bagi golongan wanita dan kanak-kanak perempuan merupakan antara hak asasi yang utama dewasa ini.

Antara petikan yang memperlihatkan penganiayaan terhadap wanita dapat diteliti dalam petikan-petikan berikut.

Niaru Beti menggelupur. Dia berteriak, sakit, sakit, tolonglah berehanti. Tidakkah kamu semua mempunyai ibu, berhenti, ingatlah ibu kamu. Mereka semua tertawa. Tawa itu menguasai seluruh belantara. Salah seorang menghenjut Niaru Beti terlalu kuat, dia melaung dan menangis. Henjutan itu terlalu rakus, terlalu kasar dan tulang bahu Niaru Beti patah, tulanh peha kanannya ditekan kuat (*BANKL* 2017, 49).

Pada mulanya memang ramai yang menafikan pemerkosaan wanita Penan. Namun, media terpaksa akur dan menyiaran berita yang kecil, dan tiada signifikan dari segi nilai. Ia tersudut di celah berita memperlihalkan tadika Permata dan paparazzi yang mengejar Justin Bieber (*BANKL?* 2017, 87).

Saya meyakini yang gagasan hak asasi manusia dan agama adalah saling bertindanan dan satu. Apa yang kurang ialah usaha untuk kefahaman dan berkomunikasi “verstehen and verstandingung” antara peradaban, perspektif dan tradisi. Di sebalik kekeliruan dan halangan ini yang mengganjalkan perkembangan gagasan hak asasi manusia, kita perlu terus bergerak. Pada saya, agenda utama adalah dengan menghubungkan pengalaman kemanusiaan dan menyediakan ruang dialog. Adalah penting untuk tidak menghubungkan hak asasi manusia dengan proses pembaratan, westernization kerana ia separuh benar (*Profesor*, 2017, 191).

Pemaparan hak dan perjuangan untuk wanita atau isteri dalam dilihat dalam petikan-petikan di bawah.

Siapakah yang menawan siapa? Siapakah yang menjadi mangsa 31 tahun lalu? Apakah engkau? Anak muda yang belum mengerti, dimangsai dengan begitu ganas oleh seseorang yang lebih berpengalaman? Apakah dia, atau engkau yang tiba-tiba ganas merengkuh, membaham tengkuk, mengerah dan menyerah lantas pasrah? Mengapa engkau tidak melawan 31 tahun yang lalu? Demikianlah feminis mensasar lelaki untuk memuas diri? Mengapa engkau sanggup menjadi kambing penggang yang diratah, terkedang bagai mangsa yang tertakluk? Detik itu, detik 31 tahun itu memang detik lazat, indah, tetapi bukankah ia juga detik jahanam jika direnung dari sisi lain? (*Profesor*, 2017, 196-197).

“Duhai Liza, yang penting adalah kerangka. Bagaimana hak asasi dan kewanitaan kitab oleh dicabul sewenang-wenang atas nama mencegah kemungkinan untuk masyarakat. Siapakah yang memberi wewenang kepada orang yang melakukan

kemungkaran sehingga hak kita sebagai manusia, dan sebagai perempuan dilicut? Bayangkan kita adalah pengantin yang ditampar itu?” (*Profesor*, 2017, 363).

Tidakkah Islam ingin melindungi kumpulan yang lemah, yang tertindas atau mengalami seribu satu penganiayaan dan kekerasan? Suliza menjelaskan kepada Hashimah, Islam adalah agama rahmat dan menolak semua bentuk ketidakadilan. Maka Islam mengajar semua makhluk saling mengasihi dan mencintai. Suliza juga menerangkan betapa badan perempuan bukan punca onar, sehingga menjadi sumber malapetaka dalam masyarakat (*Profesor*, 2017 381).

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, menunjukkan Faisal Tehrani memperjuangkan hak dan kedudukan wanita yang menjadi mangsa penindasan dan penganiayaan oleh suaminya. Wanita menjadi mangsa penderaan dalam perkahwinan kerana dianggap insan yang lemah, tidak berdaya, tidak memberi kepentingan dan sebagainya. Penganiayaan dan penderaan terhadap isteri ini digambarkan melalui watak Hashimah. Walaupun Hashimah berkahwin dengan seorang ustaz, iaitu Uztaz Idrus tetapi Hashimah dilayan dengan kasar dan diperlakukan seperti hamba oleh suaminya.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, Faisal Tehrani memaparkan hak asasi manusia dalam novel-novelnya secara langsung dan tidak langsung. Pemaparan secara langsung dan tidak langsung ini dilakukan melalui watak-watak yang dicipta untuk memaparkan hak asasi manusia. Antara teknik yang digunakan melalui dialog, pemikiran watak, tindakan watak dan pemerian langsung dalam novel-novelnya. Sebagai contoh pemerian langsung dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Keluarga Khadijah malah dilarang sama sekali menggunakan tanah warisan mereka. Jabatan Hutan mencacak papan tanda larangan menceroboh kawasan hutan simpan, siap dengan amaran hukuman dan denda kepada yang melanggarinya.

Pak Idi lihat sendiri mentua Pak Idi berdepan dengan kemiskinan dan ada masanya terpaksa berbalah dengan pelbagai pihak demi mempertahankan hak. Pak Idi lihat sendiri usaha penduduk kampung membuka dan membersihkan tanah mereka untuk berladang tani dan juga menanam getah secara tradisi dihentikan oleh pihak Jabatan Tanah dan Galian (*Bahlut*, 2010, 245).

“Kami tidak boleh membenarkan tanah adat kami terus diceroboh kerana di sinilah kehidupan kami. Jika tanah adat ini terus diperlakukan begini, kemanakah kami mahu pergi?” Kata Bahlut yang mendakwa sebelum ini lebih 300 hektar diambil dan dijadikan ladang kelapa sawit tanpa kebenaran mereka (*Bahlut*, 2010, 368).

“Pertama sekali, kami mahu hakmilik kami ke atas tanah yang telah kami warisi sejak turun temurun diakui. Kami mahu terus hidup dan menggunakan tanah kami tanpa gangguan”.

“Kemudian kami mahu pembangunan seperti pembinaan sekolah-sekolah untuk anak-anak kami dan klinik-klinik untuk mendapatkan rawatan, kami ingin meningkatkan taraf pendidikan dan kesihatan. Semua ini boleh dicapai hanya bila pembalakan dihentikan dan hakmilik tamah kami diakui” (*BANKL?* 2017, 80).

Orang-orang yang bergantung kepada sumber-sumber alam untuk kehidupan mestilah dibenarkan menggunakan tanpa ancaman dari orang-orang luar yang mengambil alih hak milik mereka secara kejam dan dengan undang-undang yang berat sebelah. Hanya apabila prinsip ini dipatuhi, keadilan sosial dan kehidupan orang-orang ini akan terjamin (*BANKL?* 2017, 79).

“Pokok-pokok kami ditebang, sumber makanan dimusnahkan, hidupan liar telah lenyap, hakisan tanah berlaku dengan teruk, sungai-sungai dicemari dan ikan-ikan juga kian lenyap”, kata Juwin Lehan, Pengurus Jawatankuasa sementara Persatuan Peribumi Penan Sarawak. “Keadaan kami sekarang berambah sukar. Apa yang kami dapat sekarang hanyalah ancaman dan janji-janji yang tidak dipenuhi” (BANKL? 2017, 99).

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, nyatakan Faisal Tehrani mengutarakan pemikiran hak asasi manusia dalam novel-novelnya bagi menyerlahkan sikap sensitiviti dan kreativiti terhadap isu-isu semasa dan permasalahan yang sedang berlaku di sekitarannya. Hak asasi manusia yang diketengahkan merupakan isu-isu yang berlaku di dalam dan di luar negara. Antara hak asasi yang menjadi fokus adalah hak dan kedudukan golongan yang terpinggir, masyarakat asal dan wanita. Bagi hak asasi yang melibatkan golongan atau masyarakat terpinggir bertumpu kepada golongan yang lemah dan tidak berdaya untuk mempertahankan diri, memperjuangkan hak dan kedudukan kerana dibelenggu kelemahan tertentu seperti kemiskinan, pemimpin yang rakus, ketiadaan pemimpin yang berwibawa dalam kelompoknya dan sebagainya. Pengambilan pemikiran hak asasi manusia ini selari dengan kenyataan berikut:

“Pada hari-hari yang mendatang ini, kita berharap untuk melihat dunia yang dibina berasaskan empat kebebasan utama manusia yang mesti wujud di seluruh dunia; kebebasan bersuara dan menyatakan pandangan, kebebasan untuk setiap orang menyembah Tuhan mengikut caranya, kebebasan untuk mengkehendaki sesuatu dan kebebasan daripada ketakutan” (Mutahnna Saari, 2019).

Nyatakan, Faisal Tehrani merupakan penulis angkatan baharu yang semakin menyerlah dalam penulisan kreatif di tanah air. Beliau juga tergolong sebagai penulis yang relatifnya masih muda sedang menghadapi cabaran berbeza pada setiap zaman. Cabaran ini selalunya mendorong penulis muda ini memikirkan arah tuju kehidupan mereka, baik kehidupan kesusastraan dan keilmuan mereka mahupun kehidupan sosioekonomi dan politik mereka (S.M. Zakir, 2012). Kemahiran dalam menghasilkan pelbagai tema, pemikiran dan genre sastera membuktikan beliau seorang penulis yang verstail dan bervariasi. Malahan dengan kejayaan-kejayaan yang diraih menerusi sayembara menulis anjuran pelbagai pihak telah menjadikan beliau antara penulis yang disegani dan setaraf dengan penulis-penulis mapan lain.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2011). Pembinaan teori tempatan: Antara teori sosial dengan bidang sastera dlm, *Sastera dan manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Hj. Wahid. (2013). *Kritikan intelektualisme sastera Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Rahim Abdullah. (1995). *Pemikiran sasterawan nusantara: Suatu kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banister, P., Burman, E., Parker I., Taylor, M & Tindall, S. (1994). *Qualitative Methods in Psychology: A Research Guide*. Buckingham: Open University Press.
- Bitsch, V. (2005). Qualitative Research: A Grounded Theory Example and Evaluatioan Criteria. *Journal of Agribusiness* 23(1): 75-91.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1982). *Qualitative Research of Education*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to Qualitative Research Methods*. New York: Wiley.

- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative Research for Education. An Introduction to Theoris and Methods* (4<sup>th</sup> Ed). Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Goldman, Lucien. (1980). *Essay on method in the sociology literature*. St. Louis: Telos Press.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu perbicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2016). *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* Bangi: Dubook.
- Faisal Tehrani. (2017). *Profesor*. Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana (Peny.). (1997). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2004). Pemikiran dan idealisme Shaharom Husain, dlm. *Dewan Sastera*, Julai: 7 – 13.
- Mana Sikana. (2005). *Sastera Junjungan*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Marshall, C. & Rosmann, GB. (1989). *Designing qualitative research*. (1 st Ed.) Newbudy Park: Sage Publications.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (1995). *Designing qualitative research*. (2<sup>nd</sup> Ed.) Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Mathanna Saari. (2019). *Hak asasi manusia dan persoalan*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Misran Rokimin. (2009). Pembangunan tamadun Islam akan berulang?: Meneliti novel remaja 1511H/[Kombat] karya Faisal Tehrani, dlm. *Akademika*. Bil. 75. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Misran Rokimin. (2013). *Kritikan sastera remaja teori dan aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2001). Konsep novel alaf baru: Suatu pandangan sia-sia, dlm. *Dewan Sastera*, Mac: 16-17.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2008). *Pencerekaan dalam novel sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Naffi Mat. (2013). *Pemikiran Dharmawijaya menterjemahkan sosialisasi masyarakat desa dan kota*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Hazwani binti Mokhti. (2009). *Aspek pemikiran Syi'ah di dalam novel bertajuk "Ketupat Cinta", "Saasatul Ibaad" dan 'Karbala' hasil karangan Faisal Tehrani*. Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Othman Puteh. (1995). Muatan baru, gaya baru dalam cerpen pengarang generasi baru dlm. *Seminar sehari wacana Persuratan Melayu Jabatan Persuratan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Shahlan Mohd. Saman. (1994). *Pengarang, teks dan khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2004). *Novel dalam kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2008). *Citra sastera sains dan teknologi, ruang, budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory*. ED Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research scientists*. Cambridge: Cambridge University Press.
- S.M. Zakir. (2009). “Leitkultur teras Satu Malaysia”. *Dewan Sastera*. Ogos, hlm. 26-29.
- Wan Zaliha binti Wan Othman. (2013). *Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.